

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MESYUARAT MAJLIS PERUNDING PENJAJA DAN PENIAGA KECIL KEBANGSAAN (M3PK) BIL. 1/2019

PUTRAJAYA, 22 JULAI 2019 - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan Bil. 1/2019**. Pada mesyuarat hari ini, watakah pelantikan telah disampaikan kepada 28 wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang akan memainkan peranan untuk membantu kementerian membangunkan penjaja dan peniaga kecil di negara ini umumnya dan di negeri masing-masing khususnya.

Mesyuarat ini juga membincangkan **hala tuju Majlis dalam membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil**. Tumpuan diberikan kepada **aspek pembangunan modal insan, pembangunan infrastruktur dan kemudahan** supaya Kementerian dapat melahirkan lebih ramai penjaja dan peniaga kecil yang mempunyai daya saing yang tinggi.

Selain itu mesyuarat juga menfokuskan kepada cabaran yang perlu ditangani bersama dalam usaha meningkatkan daya saing penjaja dan peniaga kecil seperti berikut:

- a. **Pengumpulan data/profil penjaja dan peniaga kecil yang komprehensif** melalui semakan silang data SSM dengan data lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT di setiap negeri.
- b. **Kesedaran peminjam tentang kewajipan membayar balik pinjaman** bagi memberi peluang kepada lebih ramai penjaja dan peniaga kecil diberikan bantuan pinjaman.

- c. **Peluang latihan yang komprehensif kepada semua penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara** melalui kerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan dalam mempelbagaikan latihan.

Laporan Banci Ekonomi menunjukkan sebanyak 98.5% (907,065) pertubuhan perniagaan di Malaysia adalah terdiri daripada PKS. Daripada jumlah PKS tersebut, **76.5% (693,670) pertubuhan perniagaan adalah sektor Mikro yang berkait rapat dengan sektor penjaja dan peniaga kecil.**

Kementerian **mendokong aspirasi YAB Perdana Menteri untuk mewujudkan *cashless society*.** Justeru, melalui Majlis ini Kementerian berhasrat sektor penjaja dan peniaga kecil dapat mengadaptasi perkembangan revolusi industri ke-4 (IR 4.0) yang dijangka akan memberi perubahan kepada kaedah pelaksanaan perniagaan dan mencipta idea-idea baru kepada perniagaan di sektor penjaja dan peniaga kecil.

Bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan penjaja dan peniaga kecil, Kementerian akan mengadakan **Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan Tahun 2019.** Penganjuran ini adalah selaras dengan pengisytiharan 18 November sebagai Hari Penjaja.

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

Menteri
Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
Putrajaya

Tarikh: 22 Julai 2019

